

# Bersihkan Pas dari ultra kiasu

SINAR HARIAN 25/05/2015

**P**as mendesak ketua ultra kiasu memohon maaf atas kenyataan celupannya, mengkritik hudud ketika berceramah di pentas Pas Kota Bharu. Peliknya, kenyataan tersebut dikeluarkan dalam majlis Pas sendiri. Apa motif Ketua Pas Kota Bharu menjemput ketua ultra kiasu itu sedangkan Pas sudah tahu pendiriannya terhadap hudud? Tidak mungkin Pas buta? Seluruh dunia tahu pemimpin ultra kiasu dan majoriti pengikutnya adalah penentang tegar hudud?

Lebih pelik lagi, kenyataan ketua ultra kiasu turut dipertahankan oleh pemimpin ultra kiasu dalam Pas sendiri atas alasan ketua ultra kiasu tersebut tidak faham Islam. Sekian lama berkawan, apakah masih tidak faham lagi tentang hudud yang diperjuangkan Pas? Apa yang ultra kiasu Pas lakukan selama ini? Sibuk berpolitik hingga lupa berdakwah?

Ultra kiasu sangat faham. Tetapi sengaja buat tidak faham. Sudah menjadi dasar mereka menentang apa juga program berkaitan Islam. Pendek kata, mereka adalah musuh Islam dan tidak mahu iktiraf keistimewaan Islam dalam perlembagaan.

Mereka turut memberi alasan, lawatan ke Jordan dan Mesir membuktikan negara yang seratus peratus Islam pun tidak melaksanakan hudud, kenapa Pas mahu



buka  
minda  
RIDHUAN TEE  
ABDULLAH

melaksanakannya dalam negara berbilang kaum?. Kenapa tidak melawat Brunei yang dihuni lebih 20 peratus orang Cina?

Lawatan mereka ke Timur Tengah, bukan semata untuk menghasut dan mempengaruhi pelajar-pelajar kita di sana, tetapi mencari hujah untuk memperlekehkan perjuangan Pas. Apakah ini sifat seorang rakan sepakatan?

Pemimpin ultra kiasu Pas yang menyokong ketua ultra kiasu itu ada agenda lain. Mereka mahu dilantik menjadi menteri apabila ultra kiasu berjaya merampas Putrajaya suatu masa nanti.

Justeru, saya harap pimpinan tertinggi Pas dapat membersihkan ultra kiasu Pas yang semakin menjadi barah dalam Pas. Pas mesti buang jika tidak, Pas tidak akan dihormati lagi.

Islam bukan lagi menjadi keutamaan kepada pemimpin ultra kiasu Pas. Selain agenda peribadi, matlamat mereka adalah untuk membalas dendam terhadap Umno. Sebab itu, dia sanggup lakukan apa sahaja untuk pastikan ultra kiasu akan kekal dalam PR dan menang dalam PRK dan PRU, meskipun terpaksa menggadaikan prinsip, termasuk berbaik dengan penentang tegar Islam.

Tuan Guru Haji Hadi, janganlah berharap

akan dilantik menjadi menteri kanan, kalau ditakdirkan ultra kiasu berjaya merampas Putrajaya. Mungkin sekadar menteri hal ehwal Islam sahaja.

Ultra kiasu tidak pernah percaya kepada Pas. Mereka berbaik dengan Pas semata-mata untuk kuasa dan undi. Ditakdirkan, tidak ada PKR, saya yakin sudah lama Pas ditendang keluar dari PR.

Justeru, sebelum Pas tersingkir, lebih baik Pas singkirkan dahulu ultra kiasu Pas yang menjadi duri dalam daging. Selama ini, tanpa sokongan ultra kiasu, Pas masih boleh bertahan. Paling tidak di Kelantan. Apakah Pas sanggup berkawan dengan musuh yang jelas musuh?. Tetapi tidak langsung menghulur tali untuk bersama saudara sendiri, seperti Umno?

Saya harap pemimpin dapat merenung sejenak artikel ini. Amaran demi amaran telah dikeluarkan oleh ultra kiasu agar Pas keluar dari PR jika masih mahu perjuangan hudud. Sebelum berbuat demikian, saya sarankan ultra kiasu tanya dulu kepada PKR, apakah PKR rela melepaskan Pas dari PR.

Saya amat yakin mati hidup balik pun, PKR tidak akan sanggup melepaskan Pas, walaupun apa cara sekalipun. Ini kerana, PKR sedar, tanpa sokongan Pas, mereka akan putih mata untuk memerintah Selangor. Sebab itu, setiap kali ultra kiasu mahu Pas disingkirkan, PKR terus merayu agar krisis

dalam ini diselesaikan secara baik.

Terbaru, salah seorang exco ultra kiasu Selangor menyarankan agar Pas tidak menganjurkan sebarang program di Selangor kerana negeri itu yang tidak melaksanakan hudud. "Selangor bukan rumah kamu! Bila kamu menghormati Selangor?"

Ini tamparan yang amat hebat, bukan sahaja kepada Pas, tetapi juga kepada rakyat Selangor yang bukan ultra kiasu. Apakah ultra kiasu menganggap negeri Selangor negeri bapanya?

Saya juga tinggal di Selangor, ingin memberitahu ultra kiasu, bahawa walak kami bukan kepada kerajaan Selangor, tetapi kepada Sultan Selangor. Kami tinggal di Selangor, sebab kami masih ada Sultan.

Yang sepatutnya tidak datang ke Selangor, adalah ultra kiasu, kerana Sultan adalah ketua agama Islam dan sentiasa mendaulatkan Islam yang selalu dikotori ultra kiasu.

Kepada pemimpin ultra kiasu dalam Pas, ingatlah pesan Haron Din, Mursyidul Am Pas, musuh Islam sentiasa akan mencari ruang untuk menyebut perkara negatif tentang Islam. Kalau kita ingin lihat Islam dihormati maka kita yang memberikan penjelasan, tidak boleh membiarkan musuh Islam campur tangan dalam perkara besar.

\* Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Bin Abdullah, INSPIRE/PPI, UNISZA